

14 JUN 1998

DR MAHATHIR Pengerusi Mesyuarat Dewan Tertinggi BN

KUALA LUMPUR, 14 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad petang ini mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini.

Kesemua 14 pemimpin parti komponen BN menghadiri mesyuarat yang bermula pada 2.30 petang.

Mesyuarat itu dijangka membincangkan antara lain kegawatan ekonomi yang dihadapi negara.

Mesyuarat Dewan Tertinggi BN diadakan dua kali setahun.

-- BERNAMA

RA MAI